



Coming soon in June 2023. NewspaperSG will be refreshed with a new look and user experience. Stay tuned!

Search Newspapers

Browse Newspapers

I am looking for



Advanced Search

Home > Berita Harian > 4 January 1968 > Page 8 > Jangan suka berjanji jika tidak mahu di-tepati



Jangan suka berjanji jika tidak mahu di-tepati

Berita Harian, 4 January 1968, Page 8

Article also available on Microfilm Reel NL5385

Scroll to Top

Previous Article

Next Article

Previous Page

Next Page

Jangan suka berjanji jika tidak mahu di-tepati

SURAT2 YANG PENDEK TEPAT DARI PEMBACHA2

M. SHAM

Sungei Ramal Dalam, Kajang.

SA-MASA pilehan raya tahun 1959 yang lalu dalam kempen pilehan Raya-nya Dato Abu Bakar Baginda Bekas Menteri Besar Selangor telah berjanji akan membekalkan api letrik kepada kami penduduk Kampung Sungai Ramal Dalam Kajang Selangor.

Kemudian munchul pula sa-orang lagi tokoh politik yang bertanding dalam Pilehan Raya Federal Tuan Lee Siok Yew, Menteri Muda Pelajaran yang bertanding

Information



Newspaper: Berita Harian
Date: 4 January 1968
Reel Number: NL5385

Share

Table of Contents

< Previous Page 8 Next >

Jangan suka berjanji jika tidak mahu di-tepati

Jangan suka berjanji jika tidak mahu di-tepati SLKAT2 YANC PKNDKK TKPAT DAKI PKMPACIIA2 M. SHAM

L. Zaharah bukan adek beradek dengan L. Ramli


L. Zaharah bukan adek beradek dengan L. Ramli SHAARI A.B. Setiausaha Persatuan Belia Kupang,

Keruntohan moral makin menjadi2 di-kalangan pelajar2

Keruntohan moral makin menjadi2 di-kalangan pelajar2 KHANTAN CHAPAL KEMAHUJIAN DENGAN BESAT


View Full Table of Contents






dalam Pilihan Raya Tahun 1964 yang lalu pun telah memberikan janji yang sama seperti Dato Abu Bakar Baginda.


Tetapi kini Pilihan Raya tahun 1969 akan menjelang tidak lama lagi namun janji yang di-buat oleh kedua orang tokoh politik itu belum lagi di-tunaikan-nya dan sa-hingga kini kami menunggu seperti buah yang tidak akan gugor, dan telah hampir 10 tahun janji itu berubah dari sa-orang tokoh kepada sa - orang tokoh untok menarek undian tapi tidak juga di-tunaikan.




Mungkin dalam Pilihan Raya Tahun 1969 ini nanti akan muncul juga sa-orang tokoh politik yang akan memberikan janji yang sama dengan kedua orang tokoh itu juga untok menarek undian kepada-nya.



Oleh yang demikian sa-bagai sa-orang yang telah memberikan dua kali undi kepada dua orang tokoh itu sa-hing-gakan kedua-nya telah menjadi Menteri inginalah kami menuntut janji manis yang di-buat-nya itu agar dapat di-tunaikan dan memberikan kami penduduk Sungei Ramal Dalam ini api elektrik kerana kampung Sungei Ramal Luar yang hanya 100 ela sahaja dari kampung ini telah bertahun2 mendapat bekalan api letrik itu.



Jangan-lah mudah berjanji sahaja jikalau tidak dapat menunaikan janji itu kerana dengan undian kami yang saramai 600 orang ahli UMNO Kampung ini-lah yang telah menaikkan kedua orang tokoh itu. Jikalau dibandingkan dengan Kampung yang lain kampung Sungei Ramal Dalam-lah yang paling ramai sa-kali penduduk-nya sedangkan Kampung Sungei Ramal Luar yang penduduk-nya tidak pun sampai 200 orang telah mendapat bekalan itu.



Andai-nya jikalau sampai Pilihan Raya 1969 yang akan datang ini janji itu tidak juga dapat di-tunaikan kebimbangan kami ahli UMNO

Kampong ini sangat mer-
unsingkan kerana kegia-
tan Party Rayat Ranting
Kajang yang menjalan-
kan kempen dari rumah
ka-rumah untok memu-
jok orang kampong ini
untok menubuhkan ranting
Party Ra'ayat dalam
Kampong ini dan jikalau
tertuboh ranting Party
Ra'ayat disini maka su-
dah tentu-lah undian
akan di-berikan kepada
Party itu pada Pilehan
Raya yang akan datang
ini.

Sabagai sa-orang ahli
UMNO tentu-lah pehak
yang telah membuat janji
itu terutama-nya Tuan
Lee Siok Yew akan mem-
berikan Pandangan yang
berat bagaimana kesuka-
ran kami penduduk Kam-
pong ini kerana ketia-
daan bekalan itu dan
kami harap beliau akan
memberikan pertimba-
ngan untok mengadakan
bekalan api elektrik itu
dengan saberapa segera-
nya.



TUAN LEE SIOK YEW

Related Articles

No related article found.



